



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 3 NOVEMBER 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : MAJIKAN TIDAK MEMBAYAR GAJI PEKERJA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	03.11.2017 Jumaat	UTUSAN MALAYSIA Banjir kilat :Tindakan paling tegas perlu diambil terhadap pemaju ingkar	Utusan Kota 30	NIOSH JKKP

Banjir kilat: Tindakan paling tegas perlu diambil terhadap pemaju ingkar

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa mengenakan tindakan paling tegas terhadap semua pemaju projek pembinaan yang didakwa gagal mematuhi undang-undang terutama pihak yang melanggar syarat Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, langkah itu dilihat lebih berkesan selain melakukan pemantauan dan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan masalah sama berulang.

Beliau berkata, DBKL juga perlu bertindak lebih agresif terhadap pemaju dan kontraktor kerana semua projek di ibu negara diluluskan pihak berkuasa berkenaan.

"Kita memang tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan hujan lebat namun pelbagai tindakan pencegahan boleh diambil untuk mengurangkan kebarangkalian berlakunya banjir kilat apabila Lembah Klang dan kawasan berisiko tinggi yang lain ditimpa hujan.

"Dalam hal ini, pihak DBKL mesti memainkan peranannya untuk memantau semua tapak pembinaan memenuhi piawaian yang ditetapkan termasuk termasuk memasang perangkap

kelodak dan membina kolam takungan di tapak pembinaan.

"Ini penting kerana siasatan awal Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mendapati tapak pembinaan yang didakwa menjadi punca banjir pada Isnin lalu tidak memasang kolam takungan dan perangkap sampah seperti disyaratkan dalam EIA," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas berhubung kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Lembah Klang yang menjejaskan warga kota terutama di Lebuhraya Persekutuan.

Dalam pada itu, Lam Thye berkata, masalah limpahan

air hujan dari kawasan tapak pembinaan juga jelas menunjukkan kegagalan pemaju dalam aspek sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

"Saya berharap perkara ini diberikan perhatian serius kerana kegagalan mematuhi aspek KKP bukan sahaja akan membahayakan pekerja tetapi juga orang ramai yang berada berdekatan serta alam sekitar secara keseluruhan. "Oleh itu, tindakan undang-undang perlu diambil jika mereka gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dalam memastikan kebersihan longkang dan takungan air sentiasa dalam keadaan baik dan selamat," ujarnya.

